

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



PELAKSANAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF DIGITAL
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM (GPI) DI
SEKOLAH KEBANGSAAN

*IMPLEMENTATION OF DIGITAL ALTERNATIVE ASSESSMENT AMONG
ISLAMIC EDUCATION TEACHERS (IET) IN PRIMARY SCHOOLS*

Suhaida Mohd Sukis^{1*}, Norhisham Muhamad², Abd Hadi Borham³

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: aidarifqi@gmail.com

² Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

³ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: abdhadi.borham@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

To cite this document:

Sukis, S. M., Muhamad, N., & Borham, A. H. (2022). Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Di Sekolah Kebangsaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 578-600.

DOI: 10.35631/IJEPC.747046

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan salah satu transformasi dalam sistem pendidikan. Perubahan dalam bidang pendidikan turut melibatkan kepelbagaian kaedah pentaksiran termasuklah penggunaan teknologi digital. Artikel ini akan membincangkan pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan. Penggunaan teknologi digital dalam pendidikan disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pendidikan negara bergerak seiring dengan pemodenan. Pendidikan Abad ke-21 telah diperkenalkan bagi memastikan mutu sistem pendidikan dapat dipertingkatkan. Seiring dengan revolusi industri 4.0, Kerajaan sedang dalam rangka pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital Negara sebagai langkah ke hadapan untuk menyediakan generasi fasih digital. Sehubungan itu, amalan pentaksiran digital yang dilaksanakan oleh guru diharap dapat memberikan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid. Artikel ini merupakan kertas konsep yang membincangkan isu-isu berkaitan pengetahuan, amalan dan sikap Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan. Perkara yang dibincangkan adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia akan menumpukan peningkatan kualiti pengajaran dengan meningkatkan kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Artikel ini juga turut mengemukakan beberapa cadangan bagi penambahbaikan kualiti dalam

pelaksanaan pentaksiran alternatif digital sekolah kebangsaan.

Kata Kunci:

Pengetahuan GPI, Sikap GPI, Amalan GPI, Pentaksiran Alternatif Digital

Abstract:

School- Based Assessment is one of the transformations in the education system. Changes in the field of education also involve a various assessment method, including the use of digital technology. This article will discuss the implementation of digital alternative assessment in primary schools. The use of digital technology in education is recommended by the Malaysian Ministry of Education to ensure that the country's education moves along with modernization. 21st Century Education has been introduced to ensure that the quality of the education system can be improved. Along with the industrial revolution 4.0, the Government is in the framework of implementing the National Digital Education Policy as a step forward to prepare a digitally literate generation. Accordingly, the practice of digital assessment carried out by teachers is expected to provide accurate information and show the true state of the student's learning level. This article is a concept paper that discusses issues related to teachers' knowledge, practices and attitudes in implementing digital alternative assessment in primary schools. This article also discusses and highlights issues related to the knowledge, practice and attitude of Islamic Education teachers in implementing digital alternative assessment in primary schools. The matters discussed are in line with the Malaysian Education Development Plan 2013-2025, which is that the Malaysian Ministry of Education will focus on improving the quality of teaching by improving the quality of teachers and school leadership. The article also put forward some suggestions for the improvement of quality in the implementation of digital alternative assessment of primary schools.

Keywords:

GPI Knowledge, GPI Attitudes, GPI Practices, Digital Alternative Assessment

Pengenalan

Aspirasi untuk memartabatkan mata pelajaran Pendidikan Islam telah dizahirkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Usaha ini merupakan satu agenda nasional yang perlu diangkat, digalas dan dipacu bersama oleh segenap lapisan individu Muslim di negara ini khususnya. Antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dengan menambah baik aspek pentaksiran melalui beberapa strategi memperkasakan pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Islam. Pentaksiran Berasaskan Sekolah sebagai pentaksiran yang seimbang dan holistik dilaksanakan sebagai satu strategi yang menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor murid. Sistem pendidikan Malaysia juga telah melalui pelbagai transformasi kurikulum dan penandaarasan dengan kurikulum negara-negara maju lain bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan setanding dengan pendidikan global (Wan Ezielia, 2014). Perubahan terhadap cara atau sesuatu teknik pengajaran yang betul memerlukan masa dan komitmen yang tinggi dan usaha yang berterusan adalah penting bagi meningkatkan tahap pendidikan (Datnow, 2006). Sehubungan itu, sistem pendidikan negara perlu mewujudkan satu mekanisme baharu dalam kaedah pentaksiran.

Guru bukan sahaja perlu merancang dan mengaplikasikan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara berkualiti, malah perlu meneroka dan merancang kaedah dan amalan pentaksiran yang sesuai dengan murid. Mohd Hazim (2016), Miller, Linn dan Gronlund (2009) mendefinisikan pentaksiran dalam pendidikan sebagai proses mendapatkan maklumat tentang seseorang murid dengan menggunakan kaedah tertentu dan instrumen tertentu bagi tujuan membuat pertimbangan dan seterusnya membuat penghakiman tentang hasil pembelajaran dan kemajuan murid tersebut. Pentaksiran menurut Zainuriyah (2013) pula ialah aktiviti mengumpulkan maklumat tentang kebolehan seseorang dan membuat keputusan tentang prestasinya. Justeru, pentaksiran sangat membantu guru dalam membuat keputusan pembelajaran di mana ianya merupakan suatu proses pengumpulan, sintesis dan menginterpretasi maklumat bagi tujuan pengujian, pengukuran dan penilaian (Airasian, 2001).

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah

Pendidikan di Malaysia adalah bertujuan untuk memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu yang menekankan aspek kurikulum, inisiatif, program dan aktiviti serta aspek pentaksiran dalam pendidikan. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, aspek pentaksiran telah dititikberatkan melalui pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang telah bermula pada tahun 2011 di sekolah rendah (KPM, 2013). PBS dilaksanakan untuk mengumpul maklumat murid tentang profil, pelibatan atau penyertaan serta perkembangan dan pencapaian murid. Pelaksanaan PBS membolehkan murid-murid dinilai sewajarnya secara adil sebagai individu dalam masyarakat yang berkebolehan, berkeupayaan, berbakat, berkemahiran dan mempunyai potensi diri tanpa dibandingkan dengan murid lain (Ahmad Ali & Wartti, 2014). Empat komponen dalam Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah ialah Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, Pentaksiran Psikometrik, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah/Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah telah diperkenalkan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Rajah 1 menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan PPSR yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan.



Rajah 1: Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR)


Sehubungan itu, murid akan menerima laporan pencapaian mereka dalam pelaporan yang merangkumi empat komponen pentaksiran seperti yang telah dinyatakan pada akhir persekolahan mereka pada tahun 6 dan bukan hanya keputusan UPSR sahaja. Ini menunjukkan bahawa KPM telah melaksanakan satu alternatif baharu dalam menaksir dan menyediakan pelaporan pencapaian murid pada peringkat pendidikan rendah secara holistik

dan bukan daripada gred A semata-mata, tetapi mengambil kira tiga komponen lain pentaksiran PPSR. KPM telah memutuskan bahawa keberhasilan utama pendidikan Malaysia dilihat daripada dua perspektif penting dalam PPPM 2013- 2025, iaitu kualiti sekolah dan kemenjadian murid. Kemenjadian murid dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan dan bukan lagi difokuskan kepada Gred Purata yang dijana daripada keputusan UPSR. Kualiti murid dilihat dari segi pencapaian akademik dengan tahap penguasaan minimum dalam UPSR. Bermula pada tahun 2017, KPM telah membuat perubahan dalam proses melaporkan kejayaan murid bagi murid yang telah mengikuti persekolahan peringkat rendah selama enam tahun (Harlina, 2021).

Berdasarkan kepada Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR, 2019), pelaporan kejayaan murid sekolah rendah yang lebih menyeluruh dan bermakna, tidak lagi hanya berfokus kepada keputusan UPSR, malah melaporkan secara formal tentang profil murid dari segi kecerdasan semula jadi dan aptitud, tahap penguasaan dalam mata pelajaran di sekolah dan kecergasan, tahap kesihatan serta penglibatan dalam aktiviti luar bilik darjah. Aspek kejayaan murid ini diperlihatkan melalui laporan yang lebih menyeluruh dinamakan Pelaporan PBD. Melalui PPSR, antara perkara yang boleh dibuktikan ialah bahawa setiap murid itu memiliki keunikan tersendiri dan tidak semata-mata jumlah A diperolehi dalam peperiksaan menunjukkan mereka berjaya. Selain pencapaian akademik, yang lebih penting adalah pembangunan karektor murid itu sendiri.

Namun demikian, Ujian Penilaian Sekolah Rendah telah dimansuhkan pada 28 April 2021 dan telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan warga pendidik, ibu bapa dan juga murid (Joohari & Kalai Selvan, 2021). Terdapat individu yang menerima perubahan ini dan ada pula sebaliknya. Menurut Fullan, (2018) perubahan merupakan sesuatu yang amat penting dalam pendidikan memandangkan perubahan akan dilakukan berdasarkan keperluan semasa terutamanya untuk memenuhi keperluan ekonomi dan sosial. Setelah sekian lamanya, UPSR telah menjadi tunjang utama kepada pihak sekolah untuk mengukur prestasi sekolah memandangkan UPSR memberi nilai seperti peratus lulus mata pelajaran, gred purata mata pelajaran dan gred purata sekolah. Nilai-nilai inilah yang dijadikan penanda aras bagi setiap sekolah untuk mengukur pencapaian dan kejayaan sekolah masing-masing. Apabila UPSR dimansuhkan bermaksud tidak ada gantian lagi untuk peperiksaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, KPM akan terus berusaha untuk memperkasakan PBD bermula pada tahun 2021. Tiga komponen utama iaitu PBD, Pentaksiran Psikometrik dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum akan terus dilaksanakan oleh guru (Raiham Sanusi, 2021). Guru perlu mempelbagaikan kaedah pentaksiran murid agar selari dengan PBD. Usaha yang mampan perlu terus dilaksanakan bagi mengukur pencapaian setiap murid secara berterusan. PBD terbahagi kepada pentaksiran formatif dan sumatif. Pentaksiran alternatif merupakan pentaksiran autentik atau pentaksiran formatif atau pentaksiran untuk pembelajaran (Noor Azreen & Sulaiman, 2012). Salah satu bentuk pentaksiran alternatif yang boleh dilaksanakan adalah dengan menggunakan platform digital atau berbantuan alat teknologi. Rajah 2 menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan Pentaksiran Alternatif Digital yang berkait rapat dengan PBS dan PBD.



Rajah 2: Pentaksiran Alternatif Digital (PAD)

Pentaksiran Pendidikan Islam

Pentaksiran Pendidikan Islam di Malaysia di bawah naungan KPM bersedia dengan kehadiran pelbagai isu dan cabaran dari masa ke semasa mengikut peredaran waktu dengan berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang kini memasuki gelombang ke tiga. Pelan pembangunan yang disediakan ini jelas bagi pengajaran dan pembelajaran terutama dalam strategi pengajaran berpusatkan murid berbanding strategi konvensional atau pemusatan guru terutama dalam pengajaran pendidikan Islam (Maimun Aqsa & rakan-rakan, 2021). Aspek kualiti pengajaran guru yang baik akan memastikan pentaksiran dilaksanakan dengan berkesan (Lam, 2015). Justeru, setiap pendidik perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam, amalan yang sistematik dan sikap yang baik terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif digital. Bagi membentuk insan cemerlang, amatlah penting untuk guru memainkan peranan sebagai pendidik dan pemudah cara dalam proses pengajaran (Othman & Kassim 2017).

Azizi Ahmad (2015) menjelaskan pentaksiran yang efektif melibatkan ruang lingkup yang luas, iaitu tahap gred yang ditaksir, kandungan mata pelajaran, penggubalan ujian atau penggunaan kaedah pentaksiran yang telah disarankan. Pentaksiran atau penilaian merupakan komponen yang amat penting dalam mana-mana sistem pendidikan. Pentaksiran dan pengajaran adalah dua komponen yang tidak boleh dipisahkan (Fautley & Savage, 2008). Noor Hisham (2011) menyatakan kepentingan aspek penilaian ini telah disebut dan dijelaskan dalam al-Qur'an melalui surah al-Baqarah ayat 31-32.

Matlamat Pendidikan Islam sekolah kebangsaan adalah untuk melahirkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa. Matlamat ini selari dengan Falsafah Pendidikan Islam yang menyebut;

“Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke

arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

Matlamat FPI ini jelas untuk melahirkan individu yang soleh iaitu beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia. Oleh yang demikian, Pendidikan Islam haruslah diajar untuk menunjukkan kesyukuran Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan lengkap. FPI ini secara tidak langsung selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyebutkan:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

Bagi merealisasikan matlamat FPI dan FPK, maka Falsafah Pendidikan Guru telah dibentuk di mana antara kandungannya:

“Guru yang berpekeriti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin”. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Oleh itu, jelaslah bahawa FPI dan FPK mempunyai matlamat untuk membentuk dan melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek intelek, emosi, rohani, jasmani dan sosial dengan berpaksikan dan berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam kehidupan seharian. Manakala FPG yang digariskan oleh KPM pula diharapkan dapat memacu GPI khususnya untuk menjadi modal insan yang mampu menjadi suri teladan. Bagi mencapai hasrat FPI dan FPK ini, sudah tentulah aspek pentaksiran murid dalam pengajaran perlu diberi perhatian. Ini kerana pentaksiran menurut Boon, Lee & Lawrence (2017) sebagai satu proses yang sistematik yang memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran. KPM telah menggariskan strategi memperkasakan pentaksiran Pendidikan Islam melalui sistem pentaksiran yang bersifat holistik dan seimbang iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor serta yang dilaksanakan secara berterusan.

Melalui proses pentaksiran, murid akan dapat dinilai dan ditaksir secara lebih holistik, autentik dan dijalankan secara berterusan. Proses pentaksiran dijalankan secara formatif atau alternatif untuk melihat perkembangan murid mengikut tahap kemahiran dan kebolehan mereka. GPI perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan aplikasi digital ketika mengurus pentaksiran alternatif digital di sekolah. Cabaran guru dalam PdPc di sekolah terutamanya dalam menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi tetap ada. Justeru, guru hendaklah menguasai kemahiran TMK bagi melancarkan proses penyampaian maklumat kepada murid sepertimana anjakan 7 yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu guru perlu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran (Maimun Aqsa, 2022).

Pentaksiran Alternatif Digital

Pentaksiran alternatif merupakan salah satu sistem pentaksiran baharu yang digunakan untuk menilai kebolehan dan pencapaian pelajar secara holistik dan autentik yang menjurus aspek “know-how” yang bukan semata menilai prestasi tertentu atau bukan berdasarkan aspek penguasaan pengetahuan atau pengukuran semasa peperiksaan. Pelajar mendemonstrasi kebolehan mereka dalam melaksanakan tugas dan memperolehi maklumbalas menerusi pentaksiran sah, berasaskan portfolio, projek dan sebagainya (Haziyah & rakan-rakan, 2021). Pentaksiran alternatif menggalakkan guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti melaksanakan pengajaran terbeza dan pengajaran pemulihan mengikut tahap keupayaan murid, dan hasilnya akan membantu guru serta ibu bapa menilai dan menambah baik pembelajaran murid.

Pentaksiran alternatif ini juga merujuk kepada pelbagai aktiviti selain peperiksaan untuk menilai penguasaan dan mengesan perkembangan pembelajaran murid. Pentaksiran alternatif dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti seperti perbincangan, persembahan, kerja projek, tugas, amali, pemerhatian, portfolio, pameran, kuiz dan aktiviti pentaksiran secara digital, selaras dengan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 yang berteraskan elemen kolaborasi, kreativiti, komunikasi, pemikiran kritikal dan nilai. Kaedah peperiksaan yang dilaksanakan sebelum ini, bukan semata-mata sebagai cara untuk mengukur pencapaian murid pada sekolah kebangsaan. Kaedah ini akan mengakibatkan pembelajaran di bilik darjah semakin tidak berfokus kepada perkembangan dan pertumbuhan murid dalam pembinaan kemahiran, perwatakan serta nilai murni mereka. Justeru, pentaksiran alternatif sesuai dimulakan pada murid sekolah kebangsaan kerana pertumbuhan murid berlaku dengan pesat dalam tempoh itu dan amat penting sebagai asas untuk murid mengoptimumkan perkembangan dan pertumbuhan mereka pada tahap pembelajaran seterusnya. Pentaksiran alternatif merupakan pentaksiran yang selari dengan Pentaksiran Bilik Darjah. Menurut mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Dr Amin Senin, PBD bermula pada tahun 2011 dan bukan satu kaedah baharu tetapi kaedah yang dihidupkan semula dan diperkukuhkan (Raja Hisyam, 2018). PBD merupakan satu kaedah yang diperkenalkan untuk mengukur proses perkembangan murid dalam pembelajaran secara berterusan di dalam kelas (Jacob & Parkinson 2015). Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum 2019, PBD merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid di samping memberi maklum balas tentang pengajaran guru.

Pentaksiran alternatif digital pula merupakan salah satu kaedah pentaksiran alternatif. Ianya dapat diertikan sebagai kaedah pentaksiran yang bukan dalam bentuk konvensional (kaedah peperiksaan -pensel kertas), menggunakan platform digital seperti whatsapp, telegram, youtube, DELIMa dan sebagainya atau berbantuan alat teknologi dan menggabungkan aspek penilaian sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran untuk menilai prestasi murid dalam pembelajaran secara holistik. Pentaksiran alternatif digital yang dilaksanakan di sekolah merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran seiring dengan pelaksanaan PBD, salah satu komponen PBS yang berfokus kepada perkembangan dan kemenjadian murid secara holistik. PBD merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi PdPc bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid di samping memberikan maklum balas berkaitan pengajaran guru. Sehubungan itu, pelaksanaan pentaksiran alternatif digital yang dilaksanakan oleh guru diharap dapat memberikan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid.

Perubahan dalam pendidikan di seluruh dunia kini semakin mencabar dan kompleks. Sebarang bentuk transformasi dan perancangan dalam pendidikan perlu bersifat mudah ubah. Perubahan mendadak seakan mendesak pendidik untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menghadapi norma baharu demi menangani perubahan secara berkesan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dapat dilestarikan. Anjakan paradigma bukan sahaja tertumpu kepada proses PdPc, bahkan memberikan cabaran kepada pendidik untuk mengukuhkan penstrukturan proses PBD dilaksanakan. Pelbagai isu dan cabaran timbul dalam melaksanakan tanggungjawab ini kerana pelaksanaan PBD haruslah relevan untuk memastikan domain ingin dicapai dapat ditaksirkan (Adjah Naqkiah, 2021).

Sejajar dengan hal ini, Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang bermula pada tahun 2016 perlu dihadapi dengan sebaiknya. IR 4.0 ini disebabkan peningkatan permintaan terhadap automasi beserta rangkaian internet dan proses-proses fizikal yang lain, juga kemunculan sistem berbentuk siber-fizikal serta penemuan pelbagai teknologi baharu selaras dengan perkembangan pelbagai industri dan menjangkau peringkat global (Mohd Fairuz, 2017). Era pendidikan yang dipengaruhi oleh IR 4.0 dikenali sebagai Pendidikan 4.0. Pendidikan 4.0 merupakan pendidikan yang memanfaatkan teknologi digital dalam proses pembelajaran atau dikenali sebagai sistem siber (R. Mursid & Erma Yulia, 2019). Sehubungan dengan itu, agenda Pendidikan 4.0 diperkenalkan oleh KPM sebagai respons terhadap perkembangan tersebut. Ciri penting dalam Pendidikan 4.0 juga ialah pelaksanaan pentaksiran alternatif atau holistik (Haziyah & rakan-rakan, 2021). Salah satu pentaksiran alternatif yang boleh dilakukan ialah pentaksiran digital dengan menggunakan pelbagai aplikasi digital dengan berbantuan alat teknologi.

Pendidikan 4.0 menuntut agar guru yang berada dalam bidang pendidikan mengubah cara berfikir sama ada dari aspek pentaksiran mahupun konsep pendidikan sesuai dengan tuntutan zaman. Setiap guru perlu mengubah cara menaksir agar lebih kreatif, menyenangkan dan menarik minat murid. Justeru, guru perlu mempunyai pemikiran yang kreatif, kritis, menguasai teknologi dan mampu untuk menggunakan aplikasi digital. Peranan guru perlu berubah dari sebagai penyampai pengetahuan kepada murid, menjadi seorang *fasilitator*, *motivator*, *inspirator*, *mentor*, nilai-nilai karektor dan empati sosial kerana jika tidak peranan guru akan digantikan oleh teknologi (Tiarmayanti Novita Sonia, 2019). Seiring dengan era revolusi pendidikan 4.0, guru perlu tampil kompeten dari pelbagai aspek kehidupan, khususnya dalam mengurus dan melaksana pentaksiran murid secara digital.

KPM telah memberi perhatian yang serius kepada aspek pentaksiran alternatif digital sekitar tahun 2012 melalui platform *Frog Virtual Learning Environment* (VLE Frog). Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) merupakan satu platform berasaskan web yang direka untuk menyokong guru-guru dalam mengurus proses pembelajaran pelajar secara digital. VLE boleh digunakan sebagai alat penilaian pelajar seperti ujian dan kuiz secara digital (Termit & Noorma, 2015; The JISC infoNet Service, 2006). Penilaian secara digital telah lama berlaku di sekolah-sekolah KPM. Sebagai contoh, Titik Rahayu dan rakan-rakan, (2018) menyatakan pembelajaran VLE *Frog* di sekolah bukan sahaja menyokong aktiviti e-pembelajaran seperti menyampaikan maklumat dan menguruskan bahan kursus, malahan melalui platform VLE Frog guru boleh menjalankan penilaian ke atas murid dengan menetapkan pelajaran, membuat ujian dan merekod markah (Thah, 2014). Melalui platform ini juga, guru boleh memberi tugas, ujian dan menyemak tugas secara maya, sementara pelajar dapat menghantar tugas dan menyemak markah (Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid, 2015).

Selain VLE Frog, Pihak Google telah membangunkan satu aplikasi percuma untuk kegunaan pendidikan sebagai pemudah cara bagi pendidik merancang, melaksana dan menaksir tugas secara *paperless* pada tahun 2014 (Maimun Aqsha & rakan-rakan, 2021). Menurut M.Kaviza (2020) Google Classroom berfungsi sebagai rangkaian sosial, alat perkongsian bahan, papan pembelajaran interaktif, penyimpanan data dan penyediaan latihan pengukuhan seperti Quizizz, Kahoot, Quizlet, dan sebagainya. Manakala pada 15 Jun 2020, KPM telah memperkenalkan Portal DELIMa (Digital Educational Learning Initiative Malaysia). Ianya merupakan penjenamaan semula bagi platform MOE Digital Learning yang dibangunkan oleh KPM pasca Frog VLE.DELIMa (Maimun Aqsha & rakan-rakan, 2021). KPM melalui usaha sama beberapa tahun bersama dengan *Google*, *Microsoft* dan *Apple* telah menyediakan pelantar pembelajaran DELIMa atau pelantar pembelajaran lain yang sesuai bagi membolehkan guru dan murid melakukan aktiviti PdP dan pentaksiran alternatif digital. Portal DELIMa merupakan aplikasi percuma untuk semua murid dan guru yang mempunyai pelbagai fungsi dan aplikasi antaranya Digital Textbook, Microsoft Office 365 (Word, Excel, Power Point etc), Canva, Padlet dan sebagainya. Pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk melakukan pentaksiran seperti kerja projek, kuiz, pembentangan, tunjuk cara dan lain-lain boleh dilakukan secara digital dengan menggunakan pelantar pembelajaran yang sesuai.

Jelaslah bahawa, segala usaha dan inisiatif KPM dalam memperkenalkan dan menggerakkan VLE Frog, Google Classroom dan Portal DELIMa ini merupakan satu inisiatif yang sangat penting bagi melaksanakan pentaksiran alternatif digital dalam PdPc. Oleh itu, setiap pendidik mestilah mempunyai komitmen yang tinggi untuk melaksanakan pentaksiran yang berkesan dan mampu menarik minat murid (Sh. Siti Haulimah, 2019). Selain itu, aspek pengetahuan, sikap dan amalan guru dalam pentaksiran juga perlu diberi perhatian dengan baik. Salah satu cara bagi melakukan pentaksiran yang boleh menarik minat murid itu seperti melaksanakan pentaksiran alternatif digital dengan menggunakan pelbagai kaedah yang dicadangkan oleh KPM. Seterusnya, bagi membentuk insan cemerlang pula, amatlah penting untuk guru memainkan peranan sebagai pendidik dan pemudah cara dalam proses pengajaran (Othman & Kassim, 2017). Ini kerana pentaksiran berkualiti dapat menyumbang kepada pembentukan pelajar berkualiti dan berkemahiran daripada semua aspek serta meningkatkan keberkesanan PdPc yang dijalankan (Abdul Halim & Zuraini, 2021).

Metodologi Kajian

Metodologi kertas konsep ini merupakan kajian kepustakaan yang secara umumnya berpandukan kepada sumber primer dan sekunder yang pelbagai seperti buku-buku ilmiah, tesis, artikel jurnal, akhbar dan kertas persidangan. kajian ini juga adalah berdasarkan pengumpulan maklumat-maklumat dan bahan-bahan berkaitan isu pengetahuan, amalan dan sikap guru Pendidikan Islam serta cadangan bagi penambahbaikan kualiti dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan. Metodologi ini dipilih kerana lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimana pun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan kajian ini hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini memerlukan kepada penelitian dan penumpuan yang menyeluruh. Ini kerana bahan-bahan yang dijadikan sebagai sumber rujukan merangkumi pelbagai sumber rujukan yang penting. Jadi, pengkaji perlu meneliti setiap rujukan itu untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat dan sesuai dengan kajian ini. Terdapat tiga langkah yang utama yang perlu dilakukan oleh pengkaji menerusi metodologi ini iaitu menjalankan kajian perpustakaan, mengumpul data dan menganalisis data. Selepas itu, proses pengumpulan dan

penganalisisan data akan dijalankan. Di akhirnya, satu rumusan hasil dapatan akan dibuat oleh pengkaji di samping memberi pandangan dan cadangan kepada bakal penyelidik.

Konsep Pengetahuan, Amalan dan Sikap Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital

Muhammad Taufiq (2010) mendefinisikan pengetahuan sebagai informasi atau maklumat yang dikuasai dan dimiliki oleh seseorang hasil pengalaman, pendidikan dan pengamatan menggunakan pancaindera. Pengetahuan merupakan domain utama dalam membentuk tindakan seseorang. Definisi ini selari dengan Kleickman dan rakan-rakan (2015) yang telah menyatakan pengetahuan adalah pemahaman guru mengenai sesuatu perkara berkaitan pengajaran. Ia meliputi konsep, prinsip, fakta, hukum dan model tertentu. Pengetahuan juga adalah kecekapan intelektual untuk mengingat kembali atau mengenal pasti kandungan khusus yang terdapat dalam sesuatu subjek (Padmanaban & rakan-rakan, 2017). Maka, dalam kertas konsep ini, penulis merujuk pengetahuan kepada pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran alternatif digital dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan.

Nadzri Nor Fadilah (2017) menyatakan amalan guru bermaksud sesuatu tingkah laku yang dilakukan oleh guru secara berulang-ulang. Amalan juga dikenali sebagai tingkah laku guru yang terkandung dalam proses interaksi di bilik darjah serta perbuatan yang boleh diukur (Nursafra, 2017). Amalan yang dilakukan adalah hasil daripada pertambahan pengetahuan dalam diri seseorang. Amalan juga merujuk kepada cara-cara yakni seseorang itu menunjukkan kefahaman pengetahuan mereka melalui tindakan yang mereka lakukan (Kaliyaperumal, 2004). Dalam kertas konsep ini, amalan guru merujuk kepada amalan guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan dalam pengajaran mereka ketika melaksanakan pentaksiran alternatif digital.

Thurstone (1929) dalam *attitude change*, seorang pelopor dalam pengukuran sikap, telah mendefinisikan sikap sebagai;

“... *the intensity of positive or negative affect for or against a psychological object...*”

Tafsiran Thurstone (1929) telah membolehkan kita mendefiniskan sikap seseorang sebagai kesan keinginan dan ketidakinginan terhadap sebarang situasi atau objek yang diberikan (Azaha, 2014). Kamaruddin (2010) menjelaskan sikap sebagai keyakinan seseorang bertindak terhadap sesuatu perkara yang boleh menimbulkan perasaan menerima atau menolak yang membawa kepada perilaku sama ada negatif atau positif berdasarkan pengalaman yang mereka lalui. Sikap juga biasanya dilihat dalam tingkah laku seseorang iaitu satu pemikiran atau perasaan seseorang (Padmanaban & rakan-rakan, 2017). Sehubungan itu, dalam kertas konsep ini sikap merujuk kepada sikap guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan melalui pandangan dan tingkah laku guru dalam pengajaran mereka untuk melaksanakan pentaksiran alternatif digital.

Isu Pengetahuan, Amalan Dan Sikap GPI Dalam Pelaksanaan Pentaksiran di Sekolah Kebangsaan

Kumutha Raman dan Hamida Yamat (2014) menyatakan amalan pentaksiran bilik darjah ataupun *classroom assessment* telah lama diimplementasikan dengan jayanya oleh negara-negara maju seperti United Kingdom, Finland, New Zealand, Canada, England dan lain-lain lagi. Amalan ini seterusnya menjadi ikutan negara-negara membangun termasuklah Malaysia. Meskipun telah lama dilaksanakan semenjak tahun 2011 (Kementerian Pendidikan

Malaysia, 2010), hanya pada tahun 2018 barulah PBD dilaksanakan secara menyeluruh (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019). Terdapat beberapa isu dan perbincangan yang berlaku berkenaan dengan pelaksanaan pentaksiran di Malaysia. Antaranya ialah isu pengetahuan, amalan dan sikap guru dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah.

Isu Pengetahuan GPI Dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Sri Andayani (2019) di dalam kajiannya iaitu pengetahuan asas ialah pengetahuan mengenai ilmu al-Quran adalah sangat penting dikuasai oleh seseorang individu sebelum individu tersebut memperoleh pengetahuan mengenai cara untuk mengajarkannya kepada orang lain. Ini bermakna isu pengetahuan guru dalam sesuatu bidang amatlah penting bagi menghasilkan kualiti pembelajaran dan pentaksiran yang baik. Kalai Selvan (2015) menjelaskan guru masih kurang faham menjalankan pentaksiran disebabkan kekurangan pengetahuan berkaitan dasar atau program pendidikan terutamanya apabila berlaku perubahan. Selain guru perlu mempunyai pengetahuan tentang dasar atau program pendidikan, guru perlu memahami langkah yang sepatutnya untuk melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (William & Thompson, 2017). Amie Doris dan Ruhizan (2019) pula merumuskan, tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan masih di tahap sederhana.

Melalui kajian-kajian yang telah dikemukakan, jelaslah bahawa pengetahuan itu sangat penting dan memberi kesan yang mendalam dalam kalangan GPI untuk melaksanakan pentaksiran. Kekurangan pengetahuan ini bukan hanya memberi kesan kepada GPI untuk menjalankan pentaksiran namun ianya juga turut memberi kesan kepada murid dan sekolah. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran serta sumber yang boleh dijadikan panduan akan menyebabkan ketidakyakinan guru dalam menjalankan pentaksiran (Noorzeliana & rakan-rakan, 2014). Selain itu, kekurangan pengetahuan berkaitan dasar atau program pendidikan terutamanya apabila berlaku perubahan juga adalah disebabkan oleh kurangnya kefahaman yang jelas untuk menjalankan pentaksiran (Kalai Selvan, 2015) dan guru juga dilihat kurang berpengetahuan terhadap penggunaan teknik PBD (Kalai Selvan, 2019).

Mohd Azizee Hasan iaitu Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru) berpendapat guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan mengenai penguasaan dalam teknologi digital yang baharu dan menguasai ilmu berkaitan e-pembelajaran bagi memudahkan penyampaian ilmu kepada pelajar (Ong Yao Ping, 2020). Hal ini kerana penggunaan teknologi dapat menarik penyertaan murid serta meningkatkan semangat murid untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran (Poondej & Lerdpornkulrat, 2016). Antaranya penggunaan aplikasi gamifikasi yang diterapkan dalam PdP dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif di samping memudahkan guru menilai tahap kefahaman murid mereka (Kitikedizah & Maimun Aqsa, 2022). Zamzami dan rakan-rakan (2020) menyatakan, kuiz secara gamifikasi dapat meningkatkan pelibatan murid dan memberikan pengalaman yang lebih menyeronokkan. Kepentingan pengetahuan ini telah disebut dengan jelas dalam Surah Az-zumar ayat 9. Ayat ini menjelaskan dengan ilmu pengetahuan, manusia akan mempunyai kesedaran ketuhanan dan sentiasa akan memperbaiki diri menjadi individu yang lebih baik (Che Anuar & rakan-rakan, 2018). Oleh itu, GPI perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu berkaitan pentaksiran di samping turut memantapkan ilmu pengetahuan berkaitan ketuhanan. Jadual 1 menjelaskan dengan lebih terperinci analisa isu pengetahuan guru berkaitan pentaksiran.

Isu Pengetahuan Guru	Kajian
Pengetahuan guru penting bagi menghasilkan kualiti pembelajaran dan pentaksiran yang baik.	Sri Andayani (2019)
Guru perlu memahami langkah yang sepatutnya untuk melaksanakan Pentaksiran.	William & Thompson, (2017)
Guru kurang pengetahuan terhadap penggunaan teknik PBD.	Kalai Selvan (2019)
Tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan masih di tahap sederhana.	Amie Doris dan Ruhizan (2019)
Kekurangan pengetahuan serta sumber yang boleh dijadikan panduan menyebabkan guru tidak yakin menjalankan pentaksiran.	Noorzeliana dan rakan-rakan (2014)
kekurangan pengetahuan berkaitan dasar atau program pendidikan terutamanya apabila berlaku perubahan	Kalai Selvan (2015)
Guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan mengenai teknologi digital yang baharu dan e-pembelajaran.	Ong Yao Ping (2020).
Suasana pembelajaran yang interaktif dapat memudahkan guru menilai tahap kefahaman murid.	Kitikedizah & Maimun Aqsa, (2022)

Jadual 1: Isu Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Isu Amalan GPI Dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Sofwan, Farhan dan Nadia (2015) dalam kajiannya menjelaskan terdapat beberapa item berkaitan amalan pentaksiran berada pada tahap sederhana. Kajian Nor Azizah dan rakan-rakan, (2020) pula mendapati masalah utama yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran ialah mereka masih keliru dengan kaedah yang sesuai. Amalan pentaksiran yang dilaksanakan dalam kelas masih ditakuk yang sama. Sebahagian guru-guru didapati kurang peka dalam menjalankan aktiviti pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap murid. Ini termasuklah jenis aktiviti pentaksiran yang digunakan dan kaedah atau instrumen pentaksiran autentik yang sering digunakan oleh guru. Seseengah guru tidak membaca Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dengan betul kerana standard taksiran tahap penguasaan sememangnya telah di sediakan dalam DSKP. Pertimbangan berbeza dalam menentukan tahap penguasaan murid adalah dipengaruhi oleh ketidakupayaan guru untuk mentafsir dan menilai penguasaan setiap murid berdasarkan standard telah menimbulkan kebimbangan tentang penggunaan ujian formatif dalam PBD (Kalai Selvan, 2020).

Manakala dapatan kajian oleh Rohana dan rakan-rakan (2019) mendapati bahawa pentaksiran alternatif digital seperti pendekatan gamifikasi Plickers boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah pentaksiran murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ianya memberi kesan yang positif terhadap murid. Aplikasi Plickers ini memudahkan kerja guru kerana ia berupaya mendapatkan data serta maklum balas pencapaian murid secara pantas dan tepat. Murid pula dapat mengukuhkan pembelajaran untuk mencapai tahap penguasaan lebih tinggi. Melalui pelaksanaan pentaksiran alternatif digital seperti ini, guru boleh membuat refleksi dan merancang tindakan susulan berkenaan PdP yang telah dijalankan melalui skor yang diperolehi dalam permainan digital. Manakala, murid pula dapat membuat penilaian sendiri iaitu mengetahui kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran. Annasaii dan Mohd Aderi, (2021) menyatakan, walaupun pendekatan permainan digital ini dapat membantu guru merancang aktiviti yang bersesuaian dengan tahap dan keupayaan murid namun perlu diingat

penggunaan teknologi perlu bersesuaian agar penggunaanya dapat memberikan kesan yang bermakna kepada pelajar. Jadual 2 menjelaskan dengan lebih terperinci analisa isu amalan guru berkaitan pentaksiran.

Isu Amalan Guru	Kajian
Beberapa item berkaitan amalan pentaksiran berada pada tahap sederhana.	Sofwan, Farhan dan Nadia (2015)
Keliru dengan kaedah yang sesuai melaksanakan pentaksiran dan masih ditakuk yang sama. Guru kurang peka dalam menjalankan aktiviti pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap murid.	Nor Azizah dan rakan-rakan, (2020)
ketidakupayaan guru untuk menilai penguasaan setiap murid berdasarkan standard telah menimbulkan kebimbangan tentang penggunaan ujian formatif dalam PBD.	Kalai Selvan (2020).
Pentaksiran alternatif digital seperti pendekatan gamifikasi Plickers boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah pentaksiran murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.	Rohana dan rakan-rakan (2019)
Penggunaan teknologi perlu bersesuaian agar penggunaanya dapat memberikan kesan yang bermakna kepada pelajar.	Annasaii dan Mohd Aderi (2021)

Jadual 2: Isu Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Isu Sikap GPI Dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Kajian oleh Aniza (2015) menunjukkan guru masih bersikap negatif dalam mengurus elemen berkaitan pentaksiran. Pandangan ini selari dengan Ramlah, Jamil dan Analisa (2015) yang menyatakan bahawa guru menunjukkan sikap yang sederhana terhadap pelaksanaan pentaksiran. Sikap sederhana guru dalam mentadbir beberapa elemen pentaksiran dilihat berada pada tahap rendah. Sikap positif guru terhadap aktiviti pentaksiran perlu diberikan perhatian agar guru mempunyai motivasi yang tinggi. Ahmad Rizal dan rakan-rakan, (2015) pula menambah, salah satu sikap yang kebiasaannya ada dalam kalangan guru adalah sikap negatif yang tidak mahu mengubah diri untuk sentiasa melakukan pembaharuan.

Kebanyakan guru agak sukar untuk mengubah gaya pengajaran dan pembelajaran kepada sesuatu yang baharu dan terkini seperti menggunakan ICT dalam pengajaran. Nor Azizah dan rakan-rakan (2020) juga menyatakan sesetengah guru juga bersikap sambil lewa dengan tidak membaca Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dengan betul kerana standard taksiran tahap penguasaan sememangnya telah di sediakan dalam DSKP. Guru juga didapati masih keliru dengan kaedah yang sesuai dalam melaksanakan PBD secara atas talian. Amalan pentaksiran yang dilaksanakan dalam kelas masih ditakuk yang sama. Sebahagian guru-guru didapati kurang peka dalam menjalankan aktiviti pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap murid. Ini termasuklah jenis aktiviti pentaksiran yang digunakan dan kaedah atau instrumen pentaksiran autentik yang sering digunakan oleh guru. (Nor Azizah & rakan-rakan , 2020).

Sikap merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam menentukan hala tuju sesuatu perkara itu berjaya atau sebaliknya. Sikap yang positif akan melahirkan guru yang bertingkah laku positif begitu juga sebaliknya. Antara sikap dan tingkah laku positif guru ialah guru perlu menerapkan nilai murni dalam pendidikan dan pentaksiran bagi melahirkan generasi cemerlang dalam semua aspek kehidupan (Mohd Khairi & Asmawati, 2010). Sikap dan tingkah laku yang baik ini juga telah dijelaskan dalam al-qur'an melalui surah Al-Imran ayat

104. Perintah daripada Allah ini adalah satu kewajipan yang tidak boleh dipertikaikan lagi kerana firman Allah yang berbunyi “wataknun” yang memberi “wajiblah ada”. Perintah Allah ini juga menunjukkan adanya kewajipan yang mesti dilaksanakan, dikerjakan dan diusahakan (Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin, 2009). Dalam ayat ini juga menjelaskan kejayaan akan datang sekiranya amar makruf dan nahi mungkar itu dilaksanakan. Justeru, GPI perlu mengambil peluang ini untuk melakukan yang terbaik dalam aspek pentaksiran alternatif digital di sekolah. Usaha yang berterusan tanpa berputus asa perlu dilaksanakan agar pentaksiran yang dilaksanakan mengikut acuan Islam dapat direalisasikan yang akhirnya dapat membentuk muslim sejati. Jadual 3 menjelaskan dengan lebih terperinci analisa isu sikap guru berkaitan pentaksiran.

Isu Sikap Guru	Kajian
Sikap negatif dalam mengurus elemen berkaitan pentaksiran.	Aniza (2015)
Sikap yang sederhana terhadap pelaksanaan pentaksiran.	Ramlah, Jamil dan Analisa (2015)
Sikap negatif yang tidak mahu mengubah diri untuk sentiasa melakukan pembaharuan.	Ahmad Rizal dan rakan-rakan, (2015)
Bersikap sambil lewa dengan tidak membaca Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dengan betul.	Nor Azizah dan rakan-rakan, (2020)

Jadual 3: Isu Sikap Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran

Penambahbaikan Kualiti Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital

Dalam usaha menangani isu yang berkaitan pelaksanaan pentaksiran alternatif digital seluruh negara, beberapa perkara perlu dipertimbangkan untuk dilaksanakan ke arah mengukuhkan lagi pelaksanaan amalan pentaksiran tersebut. Penambahbaikan yang berterusan akan memungkinkan pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di semua sekolah semakin berkesan dan menepati matlamat yang dihasratkan.

Menambah Baik Bimbingan, Bengkel, Latihan, Kursus Dan Sokongan Kepada Guru

Aniza dan Zamri (2015) telah melaksanakan kajian terhadap guru-guru Bahasa Melayu untuk mengkaji dan mengenal pasti tahap kemahiran guru dalam melaksanakan PBS. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBS berada pada tahap tinggi. Melalui kajian tersebut juga dicadangkan agar latihan baharu yang bercorak amali perlu diberikan kepada guru dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran guru sebagai persediaan bagi menghadapi pendidikan yang lebih mencabar pada masa akan datang. Guru-guru juga perlu lebih berkreaitiviti dalam mengurus instrumen dan kaedah pentaksiran bagi menjalankan pengujian terhadap keupayaan dan kebolehan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Kajian Zalina dan Ong Li Choo (2020) dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kemampuan guru dalam melaksanakan pentaksiran. Responden seramai 240 guru diberi bimbingan secara atas talian dan bersemuka tentang cara melaksanakan pentaksiran. Hasil kajian awal yang telah dianalisis secara deskriptif dan peratusan mendapati 182 guru dapat melaksanakan pentaksiran dengan cara yang betul. Walau bagaimanapun, guru yang masih memerlukan bimbingan secara berfokus adalah seramai 126 orang. Setelah bimbingan dijalankan, perubahan ketara dapat dilihat apabila sejumlah 235 guru telah dapat mengendalikan PBD dengan baik sementara berbaki 66 guru yang masih perlu diberikan bimbingan tambahan. Ini menunjukkan bahawa bimbingan yang diberikan kepada guru

secara tidak langsung telah menjadi pemangkin kepada guru bagi membolehkan pentaksiran itu dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Baskaran Kannan dan rakan-rakan (2021) menyatakan seramai 37 peserta kursus telah memberi maklum balas kepada soal selidik yang telah diedarkan. Kesemua 100% peserta menyatakan bahawa objektif Bengkel PBD sekolah-sekolah Tamil telah tercapai. Mereka mempunyai persepsi positif terhadap bengkel ini. Dengan ini dapatlah dinyatakan bahawa guru-guru yang menghadiri bengkel tersebut memahami konsep PBD dengan jelas, berkeyakinan untuk melaksanakan PBD dengan berkesan serta bersetuju terhadap pemansuhan peperiksaan untuk murid Tahap Satu. Ini menunjukkan bahawa sebarang bentuk kursus, bengkel, seminar dan sebagainya yang berkaitan dengan pelaksanaan PBD mampu memberikan kefahaman yang jelas kepada guru untuk melaksanakan PBD di sekolah. Sekiranya guru telah jelas dengan objektif pelaksanaan PBD maka proses untuk melaksanakan PBD mampu berjalan dengan baik dan begitulah juga sebaliknya. Bimbingan dan kursus yang berterusan sebegini sudah pasti dapat membantu guru untuk melaksanakan pentaksiran alternatif digital yang dianggap lebih mencabar.

Manakala Mahaya dan rakan-rakan, (2019) pula menjelaskan aspek pengetahuan dan amalan PBD pasti dapat dipertingkatkan dengan baik dalam kalangan guru melalui sokongan yang berterusan. Sokongan berterusan daripada pihak pentadbir, rakan-rakan guru dan ibu bapa ini sangat penting untuk guru melaksanakan pentaksiran alternatif digital di bilik darjah secara berterusan. Sokongan dan dorongan ini secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi guru untuk terus melakukan yang terbaik dalam aktiviti pentaksiran kepada murid. Selain itu, Panitia Pendidikan Islam melalui ketua-ketua panitia juga perlu bertindak untuk merancang aktiviti *Professional Learning Community* yang bersesuaian dengan keperluan semasa terutamanya pendidikan digital supaya semua GPI mahir menggunakan teknologi dan mengaplikasikannya dalam pentaksiran. Aktiviti dan program PLC ini perlu dilaksanakan secara berjadual oleh pihak sekolah. Selain memberi manfaat dari aspek pengetahuan dan kemahiran, program seperti ini juga memberi kebaikan kepada guru untuk memperoleh kredit mata CPD (*Continuous Professionalism Development*) dan juga jumlah hari berkursus dalam Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pemantauan Pentadbiran Sekolah Secara Konsisten Dan Sistemik

Pelaksanaan pentaksiran alternatif digital ini seharusnya dipantau dan diselia oleh pihak pentadbiran sekolah. Guru Besar dan Penolong Kanan Pentadbiran merupakan dua individu yang selalunya menggalas tanggungjawab ini. Pemantauan secara bersemuka terhadap guru dalam melaksanakan pentaksiran alternatif digital sangat perlu kerana pemantauan dalam bentuk laporan bertulis mungkin boleh direka dan bukan dalam keadaan sebenar. Oleh itu, semasa pemantauan terhadap guru, pihak pentadbir perlu melihat sendiri proses pentaksiran untuk mengetahui tahap keberkesanannya. Pihak pentadbir juga dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru semasa proses pentaksiran alternatif digital berlaku. Seandainya terdapat sebarang isu dan permasalahan ketika guru menjalankan pentaksiran alternatif digital, pentadbir dapat mengenal pasti dan menambah baik proses pentaksiran tersebut. Oleh yang demikian, guru dan pentadbir perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus dan melaksanakan pentaksiran alternatif digital.

Hamdan (2011) mendapati guru-guru bersetuju bahawa melalui pemantauan, pemimpin sekolah dapat memberi input terkini berkaitan pengajaran. Sehubungan itu, pemimpin perlu memahami maklumat berkaitan dengan pelaksanaan pentaksiran alternatif digital dan

mempunyai keupayaan menjadi peneraju utama membawa misi dan visi serta mampu merealisasikan Dasar Pentaksiran Negara. Sokongan padu pentadbir sekolah dalam mengetuai pelaksanaan pentaksiran alternatif digital menjadikan PBD itu sendiri sebagai satu sistem yang amat relevan untuk dilaksanakan dan selaras dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan yang dilaksanakan sejak tahun 2011. Kajian mengenai PBD juga telah dilaksanakan oleh Kalai Selvan (2020) iaitu berkaitan aspek kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan PBD. Menurutnya, secara keseluruhan para guru didapati masih memerlukan bimbingan dan pemantauan berterusan dalam memastikan guru dapat memahami dan menzahirkan cara dalam melaksanakan PBD mengikut panduan yang betul. Justeru, aspek bimbingan dan pemantauan berterusan daripada pentadbir sekolah secara berkala dan sistematik merupakan aspek yang sangat penting dalam melaksanakan pentaksiran alternatif digital di sekolah kebangsaan

Mengurangkan Beban Kerja Guru

Sokongan dan bantuan pentadbir juga dapat mengelakkan guru daripada menghadapi tekanan ketika melaksanakan pentaksiran alternatif digital. Lionad Lius & Zamri Mahamod (2021) dalam kajiannya menyatakan guru perlu dibantu bagi berdepan tekanan di sekolah ke tahap yang paling minimal. Justeru, tindakan sewajarnya haruslah diambil oleh semua pihak bagi memastikan pengajaran dan pentaksiran guru dapat dijalankan dengan baik. Proses PdP dan PBD guru di sekolah sudah pasti akan terganggu sekiranya terdapat guru yang berada dalam keadaan tertekan. Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin berkata, daripada kajian yang dilakukan, 25 peratus beban tugas guru dikaitkan dengan cara agihan tugas pengetua dan guru besar. Guru tidak harus dibebankan dengan kerja pentadbiran yang di luar daripada tugas hakiki, misalnya pembentukan jawatankuasa yang banyak membabitkan guru harus dilihat dan diselaraskan semula. Guru pada zaman dahulu mengambil tahu semua hal ehwal berkaitan sekolah termasuk aspek pembangunan, tetapi guru pada zaman sekarang mempunyai tugas yang lebih banyak memandangkan sistem pendidikan tidak lagi berorientasikan peperiksaan tetapi penilaian yang menyeluruh. Sekolah perlu mencari jalan penyelesaian yang tuntas selain langkah berterusan yang diambil oleh kementerian bagi mengurangkan beban tugas guru (Wan Normi Hasan, 2019). Malah tidak dinafikan ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan ada kalanya tugas ini bukan satu yang terancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga (Abdul Shukor, 1996). Isu tekanan kerja dalam kalangan guru kini kian mendapat perhatian umum dalam dan luar organisasi pendidikan. Reformasi di dalam pendidikan seperti KSSR dan PBD serta perubahan kurikulum turut menyumbang kepada tekanan kerja (Abdul Said & Norhayati, 2018). Pihak pentadbir perlu bijak membahagikan tugas kerja, bagi guru subjek yang perlu melakukan pentaksiran, tugas kerja yang berat harus dielakkan untuk memastikan pentaksiran dapat dijalankan dengan jayanya tanpa sebarang alasan (Noor Azreen & Sulaiman, 2012).

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia turut menyatakan, usaha dan tindakan perlu diambil bagi membendung masalah guru bersara awal yang dilihat semakin meningkat. Jika dilihat pada trend semasa, ramai guru berasa tertekan mengambil keputusan untuk bersara awal kerana beban tugas yang banyak dan tidak seimbang serta tanggungjawab bukan mengajar yang membebaskan guru. KPM pada tahun 2019 menempatkan pembantu guru di sekolah bagi mengurangkan beban guru sekali gus membolehkan mereka terus kekal dalam perkhidmatan. KPM telah mengambil kira-kira 10,000 pembantu guru secara kontrak menerusi projek perintis di Kedah, Sabah dan Melaka. Berdasarkan maklum balas ahli, ia amat berjaya bagi mengatasi masalah beban kerja guru (K.Parkaran, 2022). Beban kerja guru

perlu ditangani segera agar pelaksanaan pentaksiran alternatif digital dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Ini kerana pentaksiran digital adalah satu mekanisme bersepadu mengembang bakat dan potensi murid bagi mendepani cabaran masa depan. Ini adalah langkah strategik untuk menyiapkan generasi kompeten, berdaya saing serta memiliki kepelbagaian kecekapan dalam berdepan apa juga situasi dan keadaan terutama di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan Kemeruapan (Volatility), Ketidakpastian (Uncertainty), Kerumitan (Complexity) dan Kekaburan (VUCA) (Mohd Azizee Hasan, 2022). Rajah 3 menjelaskan dengan lebih terperinci analisa penambahbaikan kualiti berkaitan pentaksiran.



Rajah 3: Penambahbaikan Kualiti Pentaksiran Alternatif Digital.

Dapatan Kajian

Isu pengetahuan, amalan dan sikap guru dalam melaksanakan pentaksiran perlu diberi perhatian dan ditangani dengan sebaiknya. Ini kerana di era revolusi pendidikan 4.0 memerlukan guru yang berpengetahuan, mempunyai amalan dan sikap yang positif terhadap sebarang bentuk transformasi pendidikan seperti pentaksiran alternatif digital. Isu dan permasalahan guru dalam pentaksiran dari aspek pengetahuan, amalan dan sikap ini sering diperkatakan. Mohd Haidzir dan Norasmah (2019) serta Siti Hayati dan Lee Hoi Yeh (2018) menyatakan tentang pentingnya mempunyai kesediaan terhadap aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melaksanakan pentaksiran. Kajian oleh Harlina (2021) juga menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan mempunyai tahap pengetahuan, amalan, sikap serta kesediaan yang tinggi terhadap pelaksanaan PBD. Oleh itu, isu ini sebenarnya boleh ditangani sebaiknya dengan cara melakukan penambahbaikan kualiti sebagaimana yang telah dicadangkan. Fakhri dan Mohd Isha (2016) menyatakan beberapa usaha perlu dilakukan bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan amalan pentaksiran antaranya memperbanyakkan latihan pentaksiran dan mengurangkan beban kerja guru. Sudah sampai masanya isu pengetahuan, amalan dan sikap ini diurus dengan baik agar pentaksiran dapat dilaksanakan pada tahap cemerlang oleh guru. Guru perlu fasih teknologi dengan mempunyai pengetahuan, amalan dan sikap positif untuk melaksanakan pentaksiran alternatif digital di samping turut melaksanakan pentaksiran alternatif yang lain.

Cadangan dan Kesimpulan

Kajian ini menemukan maklumat sebenar berkenaan isu pengetahuan, amalan dan sikap para guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Ketiga-tiga aspek ini dilihat penting bagi menentukan berjayanya sesuatu pentaksiran itu dilakukan. Penyelidik juga mencadangkan agar ada kajian lanjut dilakukan dalam bidang ini, iaitu mengenal pasti cabaran pelaksanaan pentaksiran alternatif digital di samping mengkaji aspek kesediaan dan kemahiran guru dalam pentaksiran alternatif digital. Aspek pengetahuan, sikap dan amalan GPI dalam melaksanakan

pentaksiran alternatif digital merupakan aspek yang penting dan wajar diberi perhatian. Pentaksiran yang berkualiti tentunya menghasilkan maklumat yang tepat serta dapat membantu guru membuat penambahbaikan dan meningkatkan mutu PdPc. Sehubungan itu, semua pihak perlu berganding bahu agar pentaksiran alternatif digital dapat dilaksanakan seterusnya memastikan PBD itu berjaya dilaksanakan dengan baik.

Rujukan

- Abdul Halim Abdullah & Zuraini Marion. (2021, Ogos 22). *Guru perlu kreatif taksir murid dalam norma baharu. Berita Harian Online*. Diperolehi daripada 1 Ogos 2022 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/779528/guru-perlu-kreatif-taksir-murid-dalam-norma-baharu>
- Abdul Said Ambotang dan Norhayati Bayong. (2018). Hubungan Antara Beban Tugas dan Tekanan Kerja Dengan Komitmen Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* Vol.11, 2018 / ISSN 1394-7176 (11-21)
- Abdul Shukor Abdullah (1996). Penilaian Semula Situasi Pengurusan Sekolah. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nasional Ke P e n g u r u s a n Pendidikan di Institut Aminuddin Baki pada 14 -16 Nov 1996
- Adjah Naqkiah Mazlan. (2021, Julai 22). Cabaran baharu nilai, taksir pelajar secara dalam talian. *Berita Harian Online*. Diperolehi daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/780767/cabaran-baharu-nilai-taksir-pelajar-secara-dalam-talian>
- Ahmad Ali Seman & Wartu Kimi. (2014). Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Satu transformasi pendidikan dalam pembangunan modal insan di Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan* 4(2): 147–158.
- Ahmad Rizal Md Rais, Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha & Norfarizah Adira. (2015). *Kompetensi Guru Terhadap Aplikasi Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (TMK) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Volume 1 Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education.
- Airasian, P. W. (2001). *Classroom Assessment: Concepts and applications* (4th ed.). New York: McGraw-Hill Higher Education
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad Dimasqi. (2009). *Mutiara Ihya Ulumuddin-Hak Milik Muslim- Imam Al-Ghazali*. Perak: Buku Buku
- Amie Doris Dorin & Ruhizan Mohammad Yasin. (2019). Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Proceedings of International Conference of Future Education and Advances*, hlm. 8-15.
- Annasaii Jamar & Mohd Aderi Che Noh. (2020). Gamifikasi Aplikasi Kahoot Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Pendidikan Islam. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020).
- Aniza Ahmad. (2015). Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 18-29.
- Azaha Ibrahim. (2004). Sikap dan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kesusteraan Melayu: Satu Kajian Kes. (disertasi). Tanjung Malim:UPSI.
- Azizi Ahmad. (2015). Pentaksiran Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Murid Tahap 1.
- Baskaran Kannan, Rajeswari Vellu Pillai, Saraswathy Kuthirakkal Kunhikannan. (2021). Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 19 (Bil.1)
- Boon Pong Ying, Lee Leh Hong, Lawrence Aloysius Aeria. *Pentaksiran Dalam Pendidikan*. 2017. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Che Anuar Che Abdullah, Norazani Ahmad & Fauziah Mohd Sa'ad. (2018). *Pembangunan Sahsiah Berdasarkan Perspektif Islam*. Tanjung Malim: UPSI
- Datnow A. Manda. (2006). Comments on Micheal Fullan's the future of Educational change: System thinkers in action. *Journal education Change* 7: 133-135
- Fakhri Mohd Khalil & Mohd Isha Awang. (2016). Isu Kesediaan Guru dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Educatum- Journal of Social Science* ISSN 2289-9391 / Vol 2 / 2016 / 1-7
- Fautley, M. & Savage, J. (2008). *Assessment for Learning and Teaching for Secondary Schools*. Great Britain: Learning Matters Ltd
- Fullan, M. (2018). *Nuance: Why some leaders succeed and others fail*. Corwin Press
- Hamdan Said. (2011). *Penyelidikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Harlina Mohd Ali. (2020). *Pengetahuan, Amalan, Sikap Dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Di Sekolah Kebangsaan*. (disertasi) Bangi: UKM
- Haziyah, Nur Farhana, Najah Nadiah, Adawiyah & Zamzuri. (2021). Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani Cabaran Pandemik COVID-19. *Islamiyyat* 43(1) 2021: 3 – 14.
- Jacob, R. & Parkinson, J. (2015). The potential for school-based interventions that target executive function to improve academic achievement: A review. *Review of Educational Research* 85(4): 512-552.
- Joohari & Kalai Selvan. (2021), Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik darjah: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Besar. *Asian People Journal*, Vol 4(2), 80-89 e-ISSN: 2600-8971.
- K.Parkaran.(2022, Julai 22). 'Trend mengejut' guru bersara awal membimbangkan, kata NUTP. *Freemalaysiatoday*. Diperolehi daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/04/18/trend-mengejut-guru-bersara-awal-membimbangkan-kata-nutp/>
- Kalai Selvan Arumugham. (2015). *Pemahaman guru tentang pentaksiran formatif: Kajian kes dalam kalangan guru-guru sekolah menengah*. Kertas kerja Seminar Darulaman. Anjuran IPG Kampus Darulaman, Kedah. Oktober 2015.
- Kalai Selvan Arumugham. (2019). *Pentaksiran Bilik Darjah dan kemenjadian murid: Pengukuran tahap perkembangan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Kertas kerja The 2nd Seminar on Malay Language Teaching Literature and Culture, Goethe University Frankfurt. Anjuran Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Kalai Selvan Arumugham. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal* 3(1):152-161.
- Kaliyaperumal, K. (2004). I.E.C. Expert, & diabetic retinopathy project. Guideline for conducting a knowledge, attitude and practice (KAP) study, *A ECS Illumination* 4(1): 7-9.

- Kamaruddin Ismail. 2010. *Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Kimia terhadap kaedah pembelajaran koperatif*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013-2025*. Putrajaya:KPM
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2019). *Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR)*. Moe Website. Bahan diakses pada 31 Julai 2022 daripada <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3056-pelaporan-pentaksiran-sekolah-rendah-2019/file>
- Kitikedizah Hambali & Maimun Aqsha Lubis. (2022). Kepentingan gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* Volume 5 (1) Januari 2022, 58-64. eISSN: 2600-769X
- Kleickman, T., Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Besser, M., Krauss, S., et al. 2013. Teachers' content knowledge and pedagogical content knowledge: The role of structural differences in teacher education. *Journal of Teacher Education* 64: 90-106.
- Kumutha Raman & Hamida Yamat. (2014). *English teachers' voices on the challenges of the school-Based Assessment*. *Frontiers of Language and Teaching*, 5, 66–74
- Lam, R. (2015). Language assessment training in Hong Kong: Implications for language assessment literacy. *Language Testing* 32(2): 169-197.
- Lembaga Peperiksaan. (2012). Kajian berkaitan pentaksiran berasaskan sekolah. Dimuat turun pada 20 September 2013, daripada <http://apps2.moe.gov.my/lp>
- Lionad Lius & Zamri Mahamod (2021). Tahap Tekanan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 1, 361-373
- M.Kaviza. (2020). Kesiediaan Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 4, (page 108 - 115), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.397>
- Mahaya Salleh, Azizah Sarkowi, Mohd Fairuz Jaafar, Z. M. A. dan H. A. H. (2019). Tahap literasi guru terhadap pendekatan dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Journal of Chemical Information and Modeling* 9: 1689-1699
- Maimun Aqsha Lubis, Kamis, M. S., Salleh, S. M., Zunidar, Usiono, Yusnaldi, E., Taib, S. H., & Lubis, I. (2021). Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik COVID 19 Di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 75–91.
- Miller, M.D., Linn, R.L. & Gronlund, N.E. (2009). *Measurement and assessment in teaching*. (10th ed.). New Jersey: Pearson Education International
- Mohd Azizee Mohd Azizee Hasan. (2022, Ogos 22). Perjelaskan kaedah berkesan laksana Pentaksiran Bilik Darjah. *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/06/963238/perjelaskan-kaedah-berkesan-laksana-pentaksiran-bilik-darjah>
- Mohd Fairuz Mohd Yusof. (2017). *Revolusi Perindustrian Keempat / Industri 4.0 / IR 4.0*. <http://mohdfairuzmohdyusof.blogspot.com/2017/11/industri-40-ir-40-revolusi.html>
- Mohd Haidzir Yusof @ Jusoh & Norasmah Othman. (2019). Isu dan permasalahan pentaksiran alternatif dalam sistem penilaian di Malaysia. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, hlm. 337-349
- Mohd Hazim Mokhtar. (2016). *Pentaksiran Pendidikan Teori dan Praktis Ke Arah Transformasi Sistem Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Kentalmas Jati Sdn Bhd.

- Mohd Khairi & Asmawati. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal Of General Studies II*, 117-130
- Muhammad Sofwan Mahmud, Muhamad Farhan Abdul Halim & Nadia Fasha Mohd Drus. (2015). Amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam kalangan guru Matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Matematik* 3(2): 18-33.
- Muhammad Taufiq. (2010). Asal-usul pengetahuan dan hakikat pengetahuan. Program pasca siswazah manajemen dan bisnis. Indonesia: Bogor.
- Nadzri Nor Fadilah. (2017). *Kualiti amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di MRSM*. (disertasi) Tanjung Malim: UPSI
- Noor Azreen Bt Abd Aziz & Sulaiman Bin Yamin. (2012). *Pentaksiran Alternatif: Menuju ke Arah Transformasi Sistem Pentaksiran di Malaysia*. Academia.
- Noor Hisham Mat Nawi (2011). *Konsepsualisasi semula Pendidikan Islam*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Nur Niaga Sdn. Bhd
- Noorzelianna Idris, Norazilawati Abdullah & Saniah Sembak. (2014-November). *Isu dan cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru*. Kertas kerja International Conference On Teachers Education (ICOTE). Brunei
- Nor Azizah Atan, Zaharah Mohamad, Norasyikin Yaacob & Norshila shafie (2020- Nov). Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Bagi Pentaksiran Autentik Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFed*. Penang: Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus
- Nursafra Mohd Zhaffar (2017). *Kefahaman dan amalan penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah menengah*. Tesis Dr.Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ong Yao Ping (2020, Julai 22). Guru perlu kuasai teknologi digital penuhi tuntutan PdP. *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/07/714249/guru-perlu-kuasai-teknologi-digital-penuhi-tuntutan-pdp>
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Teaching practice of Islamic education teachers based on Higher Order Thinking Skills (HOTS) in primary school in Malaysia: An overview of the beginning. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(3): 401-415
- Padmanaban Madawan, Ruhizan Muhammad Yasin & Mohd Isa Hamzah. (2017). *Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar Kolej Matrikulasi terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran*. Kertas kerja Seminar Pendidikan Transdisiplin (Sted) 2017. Anjuran Kumpulan Penyelidik UKM, 16-17 Januari.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.(2018). Kementerian Pendidikan Malaysia
- Poondej, C., & Lerdpornkulrat, T (2016). *The Development of Gamified Learning Activities to Increase Student Engagement in Learning*. Australian Educational Computing, 31(2).
- R. Mursid & Erma Yulia (2019). Pengembangan pembelajaran dalam teknologi pendidikan di era RI 4.0. Prosiding Seminar Nasional Teknologi Pendidikan Peran Teknologi Pendidikan dalam Mengembangkan dan Meningkatkan Keprofesional Pendidik di Era Revolusi Industri 4.0, hlm. 511-522. <http://digilib.unimed.ac.id/38930/> [18 Disember 2020].
- Raiham Sanusi (2021, Ogos 22). *Mansuh UPSR: KPM Perkasa Pentaksiran Bilik Darjah*. *Sinar Harian Online*. diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/135936/BERITA/Nasional/Mansuh-UPSR-KPM-perkasa-Pentaksiran-Bilik-Darjah>

- Raja Hisyam Raja Zaid (2018, Julai 22). Autonomi pada sekolah, kementerian ada mekanisme untuk pantau ketelusan. *Astro Awani Online*. Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/autonomi-pada-sekolah-kementerian-ada-mekanisme-untuk-pantau-ketelusan-194546>
- Ramlah Ab Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan. (2015). Pembentukan sikap positif guru terhadap pelaksanaan aktiviti pentaksiran. *Journal of Personalized Learning* 1(1):77-84
- Rohana Misran, Mohd Aderi Che Noh & Maimun Aqsha Lubis. (2019). Pendekatan Gamifikasi Pembelajaran Dalam Penilaian Pendidikan Islam: Pengenalan Kepada 'Plickers'. *The 12th International Workshop and Conference of Asean Studies In Islamic And Arabic Education, Linguistics, Social Sciences And Educational Technology*
- Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2015). Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE-FROG) Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia: Pelaksanaan Dan Cabaran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9 (1): 56-67.
- Siti Hayati Mohd Yusoff & Lee Hoi Yeh. (2018). Pengetahuan dan kesediaan guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS dalam PdP. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 4: 112-130.
- Sri Andiyani Mahdi Yusuf. (2019). *Kesediaan dan amalan guru dalam pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBR) sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Termit, K., & Noorma, H. (2015). Teachers' readiness to utilize Frog VLE: A case study of a Malaysian secondary school. *British Journal of Education, Society & Behavioural Science*, 5(1), 20–29. <http://doi.org/10.9734/BJESBS/2015/11965>
- Thah, S. S. (2014). *Leveraging Virtual Learning Environment to Scale Up Quality Teaching and Learning in Malaysia*. *Asia-Pacific Collaborative education Journal*, 10(1), 1-17.
- The JISC infoNet Service. (2006). *Effective use of VLEs: introduction to VLEs*. diperoleh daripada http://www.jiscinfonet.ac.uk/InfoKits/effective-use-of-VLEs/intro-to-VLEs/printable_version.pdf
- Thurstone, L.L (1929) . *The Measurement of Attitude*. Chicago: University Chicago Press.
- Tiarmayanti Novita Sonia. (2019). Menjadi guru Abad 21: Jawapan Tantangan Pembelajaran Revolusi Industri 4.0. *Prosiding Seminar Nasional Teknologi Pendidikan Pascasarjana UNIMED* ISBN : 978-623-92913-0-3 . Indonesia: Universitas Negeri Medan
- Titik Rahayu, Syafrimen Syafril, Mohamed Yusoff, Agus Pahrudin, Nur Rohmatul Aini, Vicka Puspasari. (2018). *Researchgate*. Penggunaan Frog VLE Dalam pembelajaran Sains. diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/328618919>
- Wan Ezielia Binti Wan Aziz (2014). *Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kluster Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan. University Teknologi Malaysia. Unpublished.
- Wan Normi Hasan. (2019, Julai 22). Nilai Semula Tugas Guru. *Sinar Harian Online*. diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/24939/BERITA/Nasional/Nilai-semula-tugas-guru>
- William, D., & Thompson, M. (2017). *Integrating assessment with learning: What will it take to make it work?. In The future of assessment* (pp. 53-82). Routledge.

- Zalina Mohd Tahir & Ong Li Choo. (2020). Pembudayaan Pentaksiran Bilik Darjah pemangkin transformasi pendidikan negara. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 21: 179-192
- Zainuriyah Abdul Khatab. (2013). Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Konsep dan panduan pelaksanaan. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd
- Zamzani Zainuddin, Muhammad Shujahat, Haruna Husien, & Samuel Kai Wah Chu. (2020). *The Role of Gamified Quizzes on Student Learning and Engagement: An Interactive Gamification Solution for a Formative Assessment System*. *Computers & Education*, 145, 103